



**KEPIMPINAN ULAMA DALAM PERISTIWA PEMBERONTAKAN PAHANG (1891-1895):  
PERANAN TUAN HAJI UTHMAN BIN SENIK  
ISLAMIC SCHOLAR LEADERSHIP IN THE PAHANG UPRISING INCIDENT: THE ROLE OF TUAN  
HAJI UTHMAN BIN SENIK**

**Amnah Saayah Ismail<sup>a,\*</sup>, Jessica Ong Hai Liaw<sup>a</sup>, Khairunnisa Mardzuki<sup>a</sup>, Wong Wai Loong<sup>a</sup>, Haliza Mohd Zahari<sup>a</sup>, Burhanuddin Jalal<sup>a</sup>, Wan Kamal Mujani<sup>b</sup>**

<sup>a</sup> *Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia*

<sup>b</sup> *Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia*

\*Corresponding author: [amnah@upnm.edu.my](mailto:amnah@upnm.edu.my)

**ARTICLE INFO**

**Article history:**

Received

25-12-2018

Received in revised

03-10-2019

Accepted

08-10-2019

Available online

31-12-2019

**Keywords:**

Ulama Pahang,  
Pemberontakan Pahang,  
kepimpinan

e-ISSN: 2773-529X

Type: Article

**ABSTRACT**

*Peristiwa pemberontakan Pahang yang berlaku pada penghujung abad ke-19 Masihi menyaksikan wujudnya kepimpinan ulama dalam menyemarakkan semangat jihad dalam jiwa para pejuang. Antara ulama yang hadir dalam peristiwa tersebut ialah Haji Uthman bin Senik. Justeru artikel ini akan membincangkan peranan Haji Uthman bin Senik dalam memimpin para pejuang dalam peristiwa pemberontakan Pahang. Metodologi penulisan ini ialah analisis kandungan dan kajian kepustakaan. Menerusi penulisan ini didapati bahawa terdapat pelbagai peranan hasil kepimpinan Haji Uthman bin Senik iaitu menerusi bidang pengajaran dan penulisan serta penglibatan secara langsung di medan perang. Peranan-peranan ini dikenalpasti berjaya menyatupadukan para pejuang dalam meluahkan semangat anti penjajahan terhadap penjajahan British di negeri Pahang.*

The Pahang uprising incident that took place at the end of the 19th century AD witnessed the emergence of the leadership of Islamic scholars who were instrumental in stirring the spirit of jihad amongst independence fighters. Among the Islamic scholars who participated in the uprising was Haji Uthman bin Senik. Hence this article will discuss the role of Haji Uthman bin Senik in leading independence fighters during the Pahang uprising. This paper is based on the methodologies of content analysis and literature study. This paper found that Haji Uthman bin Senik performed various roles of leadership during the uprising i.e. in the fields of teaching and writing and direct combative engagements on the battlefields. His leadership roles were identified as critical factors that successfully unified the independence fighters in the expression of the anti-colonial spirit against British occupation in the state of Pahang.

© 2019 UPNM Press. All rights reserved.

**Introduction**

Pahang merupakan sebuah negeri yang berada di kawasan pantai timur Semenanjung Tanah Melayu. Ia merupakan sebuah negeri yang kaya dengan hasil hutan dan galian bumi serta majoriti penduduk Pahang adalah masyarakat Melayu beragama Islam. Meskipun sepanjang abad ke-19 Masihi menyaksikan

beberapa siri peperangan saudara yang berlaku di Pahang, namun kekuatan dan kehebatan Sultan Ahmad mengawal keadaan negeri berjaya membawa ke arah kestabilan politik negeri pada pertengahan kedua abad tersebut (Linehan, 1936).

Kekayaan hasil galian dan bumi negeri Pahang membawa kepada perhatian dan minat pihak British untuk menjadikan negeri tersebut sebagai jajahannya. British yang mula menguasai satu persatu negeri Melayu sejak Perjanjian Pangkor 1874 mula memasang pelbagai strategi dan taktik untuk memujuk Sultan Ahmad yang ketika itu berkuasa di Pahang supaya menerima seorang residen British di negeri Pahang. Sultan Ahmad yang turut disokong oleh pembesar-pembesar baginda untuk mempertahankan dan mengelak daripada membuat sebarang perjanjian dengan pihak British (Thio, 1962). Perkara ini dilihat rentetan daripada situasi Sultan Ahmad dan pembesarnya yang sedia maklum dengan kedatangan British yang sebenarnya bukan sekadar untuk menguasai Pahang daripada sudut pentadbiran tetapi turut mahu mengaut kekayaan hasil bumi Pahang. Malah mereka juga tahu bahawa sistem-sistem baharu yang akan diperkenalkan nanti akan menyebabkan kedudukan mereka akan goyah sama sekali. Namun tekanan demi tekanan yang dibuat oleh pihak British terhadap Sultan Ahmad akhirnya membawa kejayaan apabila Sultan Ahmad membuat keputusan untuk menerima residen British yang pertama pada tahun 1888 iaitu J. P. Rodger. Keputusan yang tidak popular dalam kalangan sebahagian pembesar di Pahang ini kemudiannya menyebabkan berlakunya dua siri perjuangan yang digelar barat sebagai pemberontakan Pahang.

### **Metodologi Penulisan**

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan memberi penekanan kepada analisis kandungan. Pemilihan kaedah ini berikutan kajian ini tidak melibatkan pengukuran atau teknik statistik dan penemuan yang dihasilkan juga tidak melalui prosedur statistik atau cara kaedah kuantiti yang lain. Bagi menganalisis kepimpinan Tuan Haji Uthman bin Senik dalam peristiwa pemberontakan Pahang, kajian ini memilih analisis kandungan sebagai rekabentuk kajian. Ia berdasarkan kepada keperluan kajian untuk mendapatkan data dan maklumat berkaitan melalui bahan-bahan yang terdapat di perpustakaan. Pengkajian cara ini menuntut pengkaji mencari bahan-bahan rujukan di perpustakaan bagi mengumpul data dengan bantuan buku-buku, majalah, jurnal, artikel, naskhah, catatan, dokumen, kertas kerja dan bahan-bahan bertulis yang lain. Segala maklumat yang diperolehi digunakan terutamanya untuk menyokong, menambah dan memperdalam pengetahuan pengkaji supaya kefahaman terhadap tajuk kajian dapat dikuasai.

### **Peristiwa Pemberontakan Pahang 1891-1895**

Pemberontakan Pahang cukup sinonim dengan nama beberapa pembesar Pahang seperti Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau. Istilah pemberontakan digunakan barat bagi menjelaskan bahawa para pembesar tersebut tidak bersetuju apabila hak untuk memungut cukai yang ada pada mereka selama ini telah ditarik balik oleh pihak Sultan Ahmad yang berpusat di Pekan. Namun di sebelah pihak para pejuang Pahang banyak isu-isu berbangkit yang menimbulkan ketidakpuasan hati mereka. Justeru sebagai tindak balas kepada keadaan tersebut telah berlaku dua pemberontakan yang diketuai oleh Dato' Bahaman, Tok Gajah dan Mat Kilau di kawasan hulu negeri Pahang pada tahun 1891 dan 1895 (Muttalib, 1972).

Punca-punca berlaku peristiwa pemberontakan Pahang tidak terhad kepada isu ekonomi sahaja, tetapi ia lebih kepada tindak balas masyarakat tempatan terhadap tindakan penjajah British yang mencampuri adat dan tradisi orang Pahang ketika itu. Selain itu, pengenalan sistem-sistem baharu oleh pihak British yang menyebabkan sistem tradisi sedia ada ditinggalkan juga antara faktor utama kepada penentangan ini (Muttalib, 1972).

Dalam pada itu, keadaan politik Pahang agak lemah dan kacau bilau akibat tindakan tidak konsisten Sultan Ahmad semakin mengeruhkan keadaan. Baginda dilihat berbelah bahagi dengan tindakan awalnya yang menerima penasihat British bagi menyelamatkan kedudukannya dan kemudiannya mula merasa gusar dan menyesal dengan tindakan yang dibuat. Peristiwa pembunuhan Orang Kaya Maharaja Setia Raja Haji Wan Daud atau lebih dikenali sebagai Orang Kaya Haji pada tahun 1889 yang merupakan orang kanan Sultan Ahmad ketika perang saudara Pahang telah membuka mata Sultan Ahmad dan para pembesar (Muttalib, 1972). Mereka semakin jelas bahawa kematian Orang Kaya Haji adalah contoh kepada perjuangan yang tidak berdaya terhadap tuntutan baru hasil kedatangan pihak British di Pahang. Peristiwa

ini kemudiannya menjadi titik permulaan dan inspirasi kepada siri pemberontakan yang berlaku selepas itu.

Perlantikan J. P. Rodger pada tahun 1888 menandakan bermulanya campur tangan ke atas British ke atas seluruh pentadbiran Pahang. Keadaan ini sekali gus mengetepikan pentadbiran berbentuk tradisional yang wujud di Pahang selama ini. Sultan Ahmad yang pada awalnya terpaksa menjalankan hubungan dengan pihak British bagi mengukuhkan kedudukannya kembali merasa menyesal dan sedih apabila satu persatu haknya digugurkan dan terus hilang (Mujani, 2014). Bukan sahaja baginda, malah pembesar dan rakyat jelata juga merasa tempias kehadiran penjajah di Pahang ini. Pengenalan sistem baharu seperti Majlis Negeri, pasukan polis, mahkamah tinggi dan pengenalan undang-undang baharu sungguh menjerat semua pihak yang sudah terbiasa dengan keistimewaan yang dimiliki setiap seorang khususnya pembesar dan sultan. Situasi yang lebih membangkitkan rasa marah mereka apabila mereka mula hilang kuasa, tanah dan pemberian elaun yang sangat sedikit berbanding pendapatan tinggi yang didapati mereka selama ini (Muttalib, 1972). Faktor-faktor dalaman ini akhirnya mengheret mereka untuk meluahkan rasa anti penjajah mereka melalui sebuah pemberontakan.

Selain itu, terdapat faktor luaran yang turut sama menyumbang ke arah merealisasikan pemberontakan yang realitinya berlaku pada tahun 1891 sehingga 1895. Namun begitu faktor-faktor ini lebih jelas kelihatan pada siri kedua pemberontakan Pahang ini. Hubungan dan bantuan dari negeri-negeri jiran khususnya Kelantan dan Terengganu yang menghulurkan bantuan berbentuk perlindungan sangat membantu kumpulan penentang Pahang. Selain itu, peranan ulama tempatan yang tersohor iaitu Tok Ku Paloh dan juga kesan gagasan Pan Islamisme yang diusahakan oleh Sultan Abdul Hamid II dan Jamal al-Din al-Afghani turut sama menyumbang merealisasikan penentangan kepada penjajah British di Pahang.

Pemberontakan pertama berlaku pada 17 Disember 1891 yang mula tercetus di Semantan oleh Dato' Bahaman. Ia menyaksikan pemberontakan secara terang-terangan sebagai satu tindakan protes kepada kedatangan pihak British di Pahang. J. P. Rodger ketika itu masih berpendapat bahawa pemberontakan yang berlaku adalah sekadar cetusan emosi Dato' Bahaman dan pengikutnya yang seramai 200 orang sahaja. Sedangkan semua pihak terutama di hulu Pahang telah bersiap sedia untuk membantu Dato' Bahaman menjayakan pemberontakan tersebut. Pemberontakan berlaku dengan penuh kesiapsagaan dan strategi padu yang disusun oleh Bahaman dan pasukannya (Ismail, 2019). J. P. Rodger yang agak lewat mengesan isu ini juga dilihat gagal mengesahkan bahawa terdapatnya kerjasama pihak Sultan Ahmad yang berkampung di Pulau Tawar ketika itu (Thio, 1957). Meskipun kemudiannya J. P. Rodger berpendapat menggunakan kuasa sultan adalah tindakan terbaiknya bagi mengekang kemaraan kuasa Dato' Bahaman, namun beliau terpaksa memenuhi permintaan sultan untuk menghentikan semua aktiviti hingga berakhirnya bulan Ramadan. Pertempuran hebat berlaku di Ulu Pahang antara kedua belah pihak dan berakhir dengan pengunduran pasukan Dato' Bahaman ke Kelantan dan kemudiannya ke Terengganu (Linehan, 1936).

Pemberontakan kedua berlaku pada 1895 setelah berlaku waktu tenang pada September 1892 hingga Jun 1894. Pemberontakan tersebut dikatakan mempunyai pengaruh agama Islam dengan adanya misi jihad yang ditiup oleh Said Ungku Paloh (Tok Ku Paloh) di Terengganu. Ia turut disokong oleh Clifford yang terlibat sama dalam ekspedisi mencari para pejuang Pahang di Kelantan dan Terengganu. Pengaruh Said Ungku Paloh berjaya menarik kira-kira 200 orang yang bersedia menggabungkan diri dalam siri pemberontakan tersebut (Clifford, 1961). Keterangan ini berjaya membuktikan bahawa wujudnya peranan ulama dalam misi perjuangan ini. Pemberontakan yang berlaku sememangnya mendapat perhatian serius oleh pihak British bahkan telah menelan perbelanjaan yang sangat besar ketika itu. Pihak British kelihatan amat bersungguh-sungguh untuk mengekang kemaraan kuasa Dato' Bahaman dan para pengikutnya.

Siri kedua penentangan memperlihatkan faktor agama dan jihad dijadikan faktor utama untuk menentang penjajah. Semangat keagamaan menjadi penguat dan pengikat antara satu sama lain dalam pasukan penjajah. Meskipun mereka akhirnya kalah dan terpaksa melarikan diri ke dalam hutan, ke Kelantan dan Terengganu serta kemudiannya dikatakan mati di Siam namun penentangan mereka berjaya menzahirkan rasa tidak senang dan antipenjajah mereka terhadap penjajah British. Keadaan tersebut sangat menakutkan pihak British, memandangkan mereka telah mengeluarkan belanja yang tinggi untuk menjayakan misi memerangi pasukan Dato' Bahaman (Muttalib, 1972).

## **Latar Belakang Haji Uthman Bin Senik**

Haji Uthman bin Senik juga dikenali sebagai Haji Uthman Montok. Nama lengkapnya ialah Tuan Guru Haji Uthman bin Haji Ibrahim bin Haji Salim. Dirwayatkan bahawa beliau adalah berketurunan Bugis. Namun jika diamati pada nama ayahnya Haji Senik, lazimnya Senik digunakan oleh masyarakat di Patani dan tidak pernah digunakan oleh orang Bugis. Namun diketahui bahawa Haji Senik mahupun ayahnya Haji Ibrahim meninggal dunia di Kampung Gaung Pendik Kelantan. Manakala Haji Salim pula meninggal dunia di Singapura. Tahun kelahiran Haji Uthman belum diketahui dengan pasti namun terdapat catatan yang mengatakan beliau meninggal dunia di kampung Ketapang Pahang pada 12 Ramadhan 1336 Hijrah atau 21 Jun 1918 Masihi (Abdullah, 2009).

Uthman dipercayai mendapat pendidikan awalnya di Kelantan terutama daripada ayahnya atau datuknya. Pendidikan tentang keislaman secara mendalam dilanjutkan ke Pondok Bendang Daya Patani daripada Sheikh Abdul Qadir (Tok Bendang Daya II) bin Sheikh Haji Wan Mustafa al-Fathani. Selain itu beliau mempelajari ilmu bahasa Arab dan pengajian Islam seperti nahu, saraf dan lain-lain asas tauhid, fikah dan tasawuf. Beliau juga mempelajari ilmu hikmat yang dibangsakan kepada Imam al-Buni seperti tersebut dalam Shams al-Ma'arif al-Kubra, Mujarrabat dan lain-lain.

Selain itu, Tuan Haji Uthman juga telah belajar secara langsung dengan Sheikh Haji Wan Mustafa al-Fathani; pengasas pondok Bendang Daya yang turut merupakan seorang hulubalang Patani yang sangat handal. Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani adalah sahabat Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Keduanya bersama Syeikh Abdul Samad al-Falimbangi ikut dalam satu peperangan besar ketika Kedah dan Patani melawan Siam.

Ilmu hikmat tersebut sangat berguna untuk menghadapi cabaran zamannya kerana pada zaman itu orang masih menghandalkan kekekuatan fizikal berupa pencak silat untuk menghadapi pergaduhan. Permusuhan sering kali terjadi bukan sahaja terhadap sesama manusia tetapi juga dengan haiwan seumpama harimau, ular besar, buaya dan sebagainya. Ilmu hikmat itulah yang telah digunakan oleh Tuan Haji Uthman Pahang ketika membuka hutan membina perkampungan. Kampung yang dibuka tersebut dikenali dengan nama Ketapang yang terletak di Pekan Pahang. Menurut ceritanya ketika membuka hutan tersebut binatang buas memang tunduk kepada beliau (Abdullah, 2009).

Seiring dengan mempelajari ilmu hikmat, Uthman juga mendalami ilmu perubatan tradisional. Beliau pandai membuat berbagai-bagai-bagai jenis makjun. Semua ilmu tersebut diperoleh daripada Tok Bendang Daya II al-Fathani. Setelah itu beliau melanjutkan pelajarannya ke Makkah dan belajar bersama Syeikh Abdul Qadir bin Abdur Rahman al-Fathani, Sheikh Muhammad bin Ismail al-Fathani dan Sheikh Wan Ali bin Abdur Rahman al-Kelantani. Sungguhpun Sheikh Ahmad al-Fathani jauh lebih muda daripadanya Uthman mendalami ilmu nahu dengan menggunakan Kitab Tashil Nail al-Amāni bersama pengarangnya iaitu ulama Patani tersebut. Kitab Tashil Nail al-Amāni digunakan sebagai kitab rujukan dan asas dalam kuliah pengajaran beliau sehingga beliau menjadi mufti di Pahang (Abdullah, 2009).

Sekembalinya Uthman dari Makkah, beliau terus menetap di Pulau Tawar. Di kampung ini beliau hidup dengan penuh rendah diri dan mudah bergaul dengan orang-orang kebanyakan. Pada peringkat awal dakwahnya beliau hanya memperlihatkan kebolehan dalam bidang ilmu hikmat. Pada suatu ketika Uthman pernah mengeluarkan sebuah kapal yang telah karam. Beliau juga pernah didatangi buaya ganas yang telah memakan manusia sehingga buaya itu dapat ditangkap dan dibunuhnya. Selain itu, beliau juga diceritakan pernah menangkap harimau buas yang selalu mengancam ketenteraman manusia dan binatang ternakan.

Setelah masyarakat mengetahui bahawa Uthman merupakan ulama yang hebat, maka ramai yang berminat untuk menuntut ilmu dengan beliau termasuk Sultan Ahmad. Sultan Ahmad telah berkenan melantik beliau sebagai Mufti Kerajaan Pahang. Lantikan ini menjadikan beliau orang terkemuka di dalam Kerajaan Pahang. Beliau telah terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran di Pahang dengan mengajar kaum keluarga Diraja Pahang di istana serta orang awam. Hasilnya, beliau telah menjadi Mufti Pahang selama 20 tahun hingga meninggal dunia pada tahun 1918 Masihi (Abdullah, 2009).

Uthman berperanan sebagai ulama untuk tiga pemerintahan Sultan Pahang iaitu Sultan Ahmad, Sultan Mahmud dan Sultan Abdullah. Selain sebagai mufti Uthman juga mengasaskan pengajian pondok dan surau yang terletak di Kampung Ketapang Tengah. Pondok pengajian yang diasaskan merupakan pondok pengajian yang menggunakan system pondok cara Patani. Setelah Uthman meninggal dunia pada tahun 1918 Masihi dalam usia hampir 100 tahun pondok tersebut diteruskan oleh dua orang anaknya. Pada

tahun 1922 Masihi pondok tersebut telah berubah corak atau sistem menjadi madrasah. Madrasah tersebut kemudiannya telah mendapat bantuan pembiayaan daripada seorang saudagar Arab bernama Habib Hasan al-Attas dan madrasah tersebut dinamakan Madrasatul Arabiyah Islamiyah al-Attas. Pada tahun 1966 Masihi pondok pengajian bekas peninggalan Mufti Haji Uthman itu dijadikan Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri Pahang. Guru besarnya yang pertama ialah Ustaz Abdul Qadir Kamaluddin cucu Uthman sendiri (Abdullah, 2009).

Sewaktu Uthman menjadi mufti Pahang beliau bergerak cergas membawa ulama-ulama terkenal dari luar dengan tujuan menambah semangat anak tempatan mempelajari agama Islam. Antara ulama yang terkenal dan dijemput datang ke Pahang ialah Sheikh Muhammad bin Ismail al-Fathani. Menurut riwayatnya ulama tersebut datang ke Terengganu pada 1912 Masihi atas permintaan muridnya Sultan Zainal Abidin III; Sultan Terengganu. Kedatangan beliau ke Terengganu itu dimanfaatkan oleh semua kerajaan di semenanjung termasuk Pahang atas kehendak mufti dan sultan Pahang sendiri (Abdullah, 2009).

Uthman sangat mengasihi gurunya dan bersikap tawaduk kepadanya sehingga beliau mengerahkan murid-muridnya menandu dan mengayuh sampan ketika menjemput dan menghantar pulang Syekh Muhammad bin Ismail al-Fathani itu. Ketika itu perjalanan masih banyak menggunakan perjalanan darat dengan berjalan kaki dan mengharung sungai. Syekh Nik Mat Kecil al-Fathani berada di Pekan Pahang kira-kira sebulan sahaja, namun dalam waktu yang singkat itu telah dipergunakan oleh Uthman untuk mempelajari ilmu tafsir al-Quran bagi dirinya sendiri. Sedangkan ilmu-ilmu fardu ain lainnya beliau bukakan kepada masyarakat untuk bertanya secara langsung kepada ulama besar dunia Melayu yang datang dari Mekah itu.

Antara murid-murid Tuan Haji Uthman bin Senik ialah Tuan Guru Haji Daud; ketika hidupnya banyak mengajar masyarakat. Beliau berasal dari Patani dan ayah kepada ibu Tuan Abdul Razak, Haji Mat Daud bin Zainal Abidin; beliau pernah menjadi Qadi Besar Pahang, Lebai Yusuf pernah menjadi Qadi Kuantan, Haji Abu Bakar (Datuk Seri Peggawa) bin Haji Abdul Halim (Imam Perang Indera Mahkota) dan Mat Kilau; Pahlawan Melayu yang terkenal sangat memusuhi penjajah Inggeris.

Berbekalkan maklumat tentang Haji Uthman bin Haji Senik yang merupakan Mufti Pahang ini menjadi guru kepada sebahagian besar para tokoh di Pahang termasuk Mat Kilau, ia dapat menambah pengetahuan kita betapa hebatnya peranan tokoh ulama silam dalam membina umat di negara ini. Ia juga menambah maklumat sejarah terutama mengenai Mat Kilau yang selama ini kebanyakan para penulis tidak menyebut peranan guru dan ayah angkatnya Haji Uthman bin Haji Senik Mufti Pahang yang sangat berpengaruh dalam lingkungan masyarakat Pahang.

Tuan Guru Haji Uthman juga banyak menghasilkan karangan namun yang terkenal adalah dua buah iaitu Majallah al-Muṣolli yang banyak dicetak dengan huruf batu di Singapura. Kedua ialah kitab perubatan. Kitab perubatan secara tradisional susunan beliau ini tidak dijumpai lagi. Namun, sebagai kesan peninggalan beliau terkenal sejenis makjun yang dinamakan makjun telur. Beberapa orang anak cucu beliau masih mengusahakan pembuatan makjun tersebut (Abdullah, 2009).

### **Analisis Peranan Haji Uthman Bin Senik Dalam Peristiwa Pemberontakan Pahang**

Tuan Haji Uthman bin Senik memainkan peranan penting dalam peristiwa pemberontakan Pahang. Pengkaji mengenalpasti terdapat tiga peranan yang dimainkan oleh beliau sehingga semangat dan rasa kebencian terhadap penjajah British itu berjaya diluahkan menerusi peristiwa pemberontakan Pahang. Tiga peranan yang dimaksudkan ialah pengajaran dan penulisan serta secara langsung di medan perang.

Tuan Haji Uthman bin Senik terlibat dalam bidang pengajaran khususnya dalam membangunkan jiwa para pejuang Pahang dengan ilmu Islam. Beliau mengajar masyarakat ilmu Islam tanpa berbelah bahagi semata-mata ingin terus menyampaikan ilmu dan dakwah Islam. Hasilnya sudah pasti rakyat Pahang memahami Islam dengan baik tidak kurang hebatnya sama seperti yang berlaku di negeri-negeri lain seperti Kelantan dan Terengganu. Mat Kilau sejak kecil diserahkan oleh kedua-dua orang tuanya kepada Tuan Guru Haji Uthman bin Senik untuk diajar berbagai-bagai-bagai ilmu fardu ain. Umur Mat Kilau sama dengan anak sulungnya Haji Juned. Setelah masyarakat mengetahui bahawa Uthman merupakan ulama maka ramai yang berminat untuk menuntut ilmu dengan beliau. Sehingga Sultan Pahang ketika itu, Sultan Ahmad berkenan melantik beliau sebagai Mufti Kerajaan Pahang. Beliau seterusnya menjadi orang

terkemuka dalam kerajaan Pahang yang berperanan mengajar kaum keluarga Diraja Pahang di istana selain mengajar orang awam. Beliau menjadi mufti Pahang selama 20 tahun hingga meninggal dunia pada tahun 1918 Masih (Abdullah, 2009).

Tuan Haji Uthman bin Haji Senik Mufti Pahang ini adalah guru kepada sebahagian besar para tokoh di Pahang termasuk Mat Kilau. Ia menunjukkan kita betapa hebatnya peranan tokoh ulama silam dalam membina umat di negara ini. Ia juga menambah maklumat sejarah terutama mengenai Mat Kilau yang selama ini kebanyakan para penulis tidak menyebut peranan guru dan ayah angkatnya Haji Uthman bin Haji Senik Mufti Pahang yang sangat berpengaruh dalam lingkungan masyarakat Pahang (Abdullah, 2009).

Manakala dalam bidang penulisan pula Tuan Haji Uthman bin Senik turut memberi sumbangan kepada masyarakat Pahang. Tuan Guru Haji Uthman banyak menghasilkan karangan namun yang terkenal adalah dua buah iaitu Majallah al-Muṣolli yang banyak dicetak dengan huruf batu di Singapura. Kedua ialah kitab perubatan (Ismail, 2014). Kitab perubatan secara tradisional susunan beliau ini tidak dijumpai lagi. Namun, sebagai kesan peninggalan beliau terkenal sejenis makjun yang dinamakan makjun telur. Walau bagaimanapun, kedua kitab yang disebut ini tidak mempunyai kaitan secara langsung dengan peristiwa pemberontakan Pahang. Namun kedua kitab ini digunapakai dalam mengajar dan mendidik masyarakat Pahang termasuk para pejuang dalam peristiwa penting tersebut.

Tuan Haji Uthman bin Senik juga terlibat secara langsung di medan peristiwa pemberontakan Pahang. Pengkaji percaya sosok tubuh yang hebat ini benar-benar terlibat dalam perjuangan di Pahang bagi menentang penjajahan British di Pahang. Tiada tulisan yang jelas membuktikan penglibatan beliau dalam perjuangan menentang penjajah British di Pahang. Namun, pengkaji melihat kedudukan lokasi penempatan beliau di Kampung Pulau Tawar, hubungan beliau dengan Sultan Ahmad dan Mat Kilau serta satu tulisan karangan Noriah sebagai faktor-faktor yang membolehkan beliau dikelaskan sebagai ulama yang terlibat secara langsung dalam medan pertempuran.

Tuan Haji Uthman turut belajar secara langsung dengan Sheikh Haji Wan Mustafa al-Fathani; pengasas pondok Bendang Daya yang turut merupakan seorang hulubalang Patani yang sangat handal. Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fathani adalah sahabat Syeikh Daud bin Abdullah al-Fathani. Kedua-duanya bersama Syeikh Abdul Samad al-Falimbani ikut dalam satu peperangan besar ketika Kedah dan Patani melawan Siam. Keadaan ini pada pandangan pengkaji memberi sedikit sebanyak kesan dalam diri Tuan Haji Uthman bin Senik dalam merencanakan perjuangan di Pahang (Abdullah, 2009).

Selain itu pula artikel Sulung (1996) yang menulis tentang strategi perang Bahaman menentang pasukan British turut memuatkan satu nama yang ditulis beliau sebagai Haji Osman. Haji Osman ini dikatakan salah seorang yang turut memberi bantuan kepada pasukan Bahaman ketika berhadapan dengan pasukan tentera British. Noriah menulis:

“Di samping itu sikap bermuka dua turut dijadikan sebagai salah satu strategi dan muslihat untuk mengelabui mata penjajah British. Sikap ini dapat dilihat dalam peristiwa pasukan Bahaman yang berjaya mendapat bantuan Tok Pulut dan Haji Osman; orang yang mula-mula membuka lombong di Selinsing dekat Kuala Medang Hulu Jelai. Mereka bermuka dua untuk menyelamatkan kampung dan keluarga mereka sambil berpura-pura membantu pihak Inggeris. Dalam keadaan yang lapar askar-askar Sikh telah meminta makanan daripada Tok pulut. Beliau kemudiannya membuat kenduri masak bubur ubi gandum dan mengajak askar-askar itu makan. Sedang makan tidak semena-mena ramai yang muntah-muntah. Rupanya Tok Pulut telah menghidangkan bubur mentah. Askar-askar Sikh yang lain telah naik berang dan terus mengganas, membakar rumah-rumah di kampung Chat, Kampung Empar, Hulu Kecuk dan membunuh orang-orang Melayu yang ditemui. Semua penduduk Mukim Budu lari ke Bukit Paya”.

Pengkaji berpendapat nama Haji Osman yang terdapat dalam petikan di atas tersebut merujuk kepada nama Tuan Haji Uthman bin Senik. Beliau sememangnya tidak asing lagi kepada penduduk negeri Pahang terutama di daerah Pulau Tawar dan Hulu Pahang (Sulung, 1996). Di samping itu, faktor hubungan Tuan Haji Uthman, Dato' Bahaman dan Mat Kilau ini dilihat pengkaji sebagai satu hubungan langsung seorang ulama dengan pejuang Pahang. Pengkaji berpendapat Tuan Haji Uthman yang merupakan guru kepada Mat Kilau sedikit sebanyak akan memberi bantuan sebaik mungkin kepada anak didiknya. Begitu juga dengan Kampung Pulau Tawar yang menjadi lokasi kediaman beliau. Kita maklumi bahawa Pulau

Tawar merupakan kediaman kedua setelah Sultan Ahmad diusir dari Pekan hasil perselisihan yang berlaku antara baginda dan pemangkunya.

Pengkaji seterusnya berpendapat secara analisisnya terdapat hubungan secara langsung antara Tuan Haji Uthman dan Sultan Pahang dalam merencanakan penentangan secara dalaman. Pendapat pengkaji bersandarkan kepada faktor kedudukan Pulau Tawar yang merupakan tempat atau kubu pertahanan para pejuang. Selain Tuan Haji Uthman, Tok Gajah yang merupakan orang terdekat dengan Sultan Ahmad juga menetap di kampung ini. Meskipun tiada catatan rasmi dibuat berkaitan dengan penglibatan Tuan Haji Uthman bin Senik sebagai pejuang Pahang namun kedudukan lokasi dan penempatan yang sama dilihat sebagai faktor kuat wujudnya hubungan di antara beliau, para pejuang Pahang dan Sultan Ahmad sendiri. Di samping itu, pendapat pengkaji dikukuhkan lagi dengan situasi setelah peristiwa pemberontakan Pahang selesai. Tuan Haji Uthman bin Senik secara rasminya dilantik menjadi mufti Pahang di bawah pemerintahan Sultan Ahmad dan dua orang sultan berikutnya. Ia membenarkan bukti wujudnya hubungan akrab antara ulama dan pemerintah sejak sekian lama.

## Penutup

Berdasarkan perbincangan yang dibuat, pengkaji membuat kesimpulan bahawa Tuan Haji Uthman bin Senik merupakan seorang ulama yang berkebolehan dan berperanan penting dalam peristiwa pemberontakan Pahang. Keberadaan beliau di Pulau Tawar Pahang membolehkan beliau menyampaikan ilmu kepada masyarakat pahang dan menyuntik semangat jihad dalam jiwa para pejuang Pahang. Ketiga-tiga peranan yang dimainkan oleh beliau iaitu pengajaran, penulisan dan penglibatan secara langsung dalam medan perang merupakan elemen penting dan melengkapkan kerjasama antara ulama yang wujud ketika itu bagi menentang penjahat British yang digelar sebagai kuffar. Penulisan ini juga membuktikan bahawa peristiwa pemberontakan Pahang tidak terhad kepada pengaruh dan peranan Tok Ku Paloh sahaja terutama pada siri kedua pemberontakan. Penulisan ini berupaya melengkapkan maklumat sedia ada bahawa Tuan Haji Uthman bin Senik juga merupakan ulama yang turut berada dan menyemarakkan semangat jihad menentang kuffar di negeri Pahang pada penghujung abad ke-19 Masihi.

## Rujukan

- Abdullah, W. M. S. (2009, June 15). Peranan Ulama dalam Silat [Blog post]. Retrieved from <http://ulama-nusantara.blogspot.com/2009/06/peranan-ulama-dalam-silat.html>
- Clifford, H. (1929). *Bushwacking and Other Asiatic Tales and Memories*. New York: Harper & Bros.
- Clifford, H. (1961). Report on The Expedition Recently Led into Kelantan and Terengganu on the East Coast of the Malay Peninsula. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 34(1), 13-89.
- Gopinath, A. (1993). *Sejarah Politik Pahang 1880-1935*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail, A. S., Mujani, W. K., Jalal, B., & Zainal Shah, N. (2019). Analysis of Dato' Bahaman's battle strategies in the Pahang uprising 1891-1895. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 10(1).
- Ismail, A. S., Shah, N. Z., Mujani, W. K., & MdRessad, I. S. (2014). Scholars' Jihad Ta'limi in pahang during the 19th Century. *Middle - East Journal of Scientific Research*, 20(12). doi.org/10.5829/idosi.mejsr.2014.20.12.21111
- Linehan, W. (1936). History of Pahang. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 15(2), 44-199.
- Morrah, P. (1963). The History of The Malayan Police. *Journal of The Malaysian Branch of Royal Asiatic Society*, 36(202), 76-88.
- Mujani, W. K., Ismail, A. S., Resad, I. S. A. M., & Shah, N. Z. (2014). Sultan Ahmad: The dilemma between the local rebels and British colonialists in Pahang at the end of the 19th century. *Asian Social Science*, 10(3). doi.org/10.5539/ass.v10n3p205
- Muttalib, J. A. (1972). *Pemberontakan Pahang 1891-1895*. Kelantan: Penerbit Aman Press.
- Sulung, N. (1996). Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan. Dalam Selat, N. (Pyt.), *Pahang Dahulu dan Sekarang*, (34-56). Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.

Thio, E. (1957). The Extension of British Control to Pahang. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 30(1), 46-74.